



**Buku Slogan Kerajaan Negeri Melaka “Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat” Tonggak 11** ini diterbitkan dengan tujuan menghebahkan dan menerangkan dengan jelas naratif slogan baharu Kerajaan Negeri Melaka yang mana diinspirasi daripada dua tokoh hulubalang hebat masa lampau iaitu Hang Tuah dan Hang Jebat. Tujuan utama adalah untuk memberikan sumber inspirasi kepada jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka supaya menjadikan Negeri Melaka progresif dan dinamik.

Nilai-nilai signifikan dikenali sebagai Tonggak 11 yang wajar dicontohi terdapat dalam slogan “Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat” di mana ia merupakan slogan yang turut diabadikan di dalam setiap surat yang

dikeluarkan di Negeri Melaka baik dari pentadbiran Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Slogan baru ini merupakan ilham dan inspirasi YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka ke-13.

Buku ini telah dibahagikan kepada 7 Bahagian di mana Bahagian Pertama adalah Pendahuluan, Bahagian Kedua adalah Bijak Laksana Tuah, Bahagian Ketiga adalah Berani Laksana Jebat, Bahagian Keempat adalah Tonggak 11, Bahagian Kelima adalah Naratif Khusus Tonggak 11 Bijak, Bahagian Keenam adalah Naratif Khusus Tonggak 11 Berani dan akhir sekali adalah Bahagian Ketujuh Rumusan.

### **Bahagian Kedua : Bijak Laksana Tuah**

- Bijak - Kebijaksanaan luar biasa Hang Tuah yang cepat mempelajari ilmu dan kebolehan menguasai 12 bahasa diantaranya Bahasa Tamil, Bahasa Siam, Bahasa Cina, Bahasa Jawa, Bahasa Rom, Bahasa Turki dan nahu Bahasa Arab. Hang Tuah juga bijak mengatur strategi dan bijaksana dalam memberikan idea kepada Sultan pada ketika itu.
- Integriti - Hang Tuah merupakan seorang yang taat setia, menurut perintah dan patuh kepada arahan, berintegriti dalam mendokong institusi Kesultanan Melayu Melaka. Hang Tuah juga patuh kepada arahan pembesar yang lebih kanan.
- Jati diri – Jati diri jelas terlihat dengan Hang Tuah memperlengkapkan dirinya mempelajari ilmu agama dan dunia persilatan serta amalan kesantunan bahasa sebelum menjadi wakil Kerajaan Negeri Melaka. Ilmu diplomasi telah mengangkat jati diri dan martabat budaya bangsa Melayu yang memiliki keperibadian yang tinggi di mata dunia.
- Antarabangsa - Hang Tuah merupakan ikon antarabangsa dan menjadi duta Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada masa lampau. Seni

diplomasi yang luar biasa dan kebijaksanaan akal Hang Tuah sebagai contoh tidak perlu merangkak menghadap Raja Siam tetapi duduk menyembah seperti adat orang Melayu memberi isyarat simbolik bahawa Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Adalah setanding dengan Kerajaan Siam.

- Keharmonian - Kehebatan dan kebijaksanaan Hang Tuah dalam diplomasi telah berjaya menjalinkan hubungan luar dengan kerajaan besar seperti Majapahit, Siam, India, Cina, Rom, Turki dan Jepun sebagaimana tercatat dalam sejarah. Kerajaan India telah melantik Hang Tuah sebagai wakil utusan membawa surat dan bingkisan ke Negara Cina, ia merupakan suatu penghormatan yang besar.

### **Bahagian Ketiga : Berani Laksana Jebat**

- Berani - Hang Jebat memperjuangkan keadilan dan memiliki pekerti nilai setiakawan yang tinggi. Semasa zaman mudanya beliau hebat menggunakan senjata dengan empat sahabatnya iaitu Hang Tuah, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu.
- Empati - Perasaan empati Hang Jebat jelas semasa Hang Tuah dijatuhkan hukuman oleh pihak Istana kerana fitnah dengan menziarahi isteri dan anak Hang Tuah walaupun sahabat-sahabat lain tidak hadir.
- Rasional - Hang Jebat bersikap rasional dalam tindakan dan bukan dilihat sebagai penentang sistem pemerintahan beraja.
- Azam - Keazaman yang tinggi ditunjukkan semasa berdepan dengan musuh dengan beraninya Hang Jebat untuk menewaskan musuh.

## Bahagian Keempat : Tonggak 11

Bijak	Berani
<ul style="list-style-type: none"><li>• Bijak Membuat Keputusan</li><li>• Integriti Sentiasa Diutamakan</li><li>• Jatidiri Warisan dan Budaya Bangsa</li><li>• Antarabangsa Melaka di Mata Dunia</li><li>• Kehormatan dan Pengiktirafan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berani dan Berprinsip</li><li>• Empati dan Cakna Persekitaran</li><li>• Rasional Dalam Pertimbangan</li><li>• Azam Tinggi dan Kemajuan Diri</li><li>• Niat Suci Melaksanakan Tanggungjawab</li><li>• Inspirasi kepada Transformasi Semasa</li></ul>

## Bahagian Kelima : Naratif Khusus Tonggak 11 BIJAK

### Bijak Membuat Keputusan

- Pertimbangan berasaskan prioriti
- Analisis risiko
- Pantas dan tepat

### Integriti Sentiasa Diutamakan

- Berdisiplin tinggi
- Amanah
- Telus

### Jati diri Warisan dan Budaya Bangsa

- Hayati Sejarah bangsa
- Pemeliharaan dan pemulihan warisan
- Menyanjung seni dan budaya tempatan

### Antarabangsa di Mata Dunia

- Minda berkemahiran tinggi
- Psarana kelas pertama
- Produk dan inovasi bertaraf dunia

### Kehormatan Melaka di Mata Dunia

- Mengangkat kegemilangan warisan
- Tumpuan jenama dunia
- Pengiktirafan lokal dan global

## Bahagian Keenam : Naratif Khusus Tonggak 11 BERANI

### Berani dan Berprinsip

- Teguh pendirian
- Tidak mudah beralah
- Akauntabiliti

### Empati dan Cakna Persekitaran

- Prihatin kepada permasalahan
- Responsif terhadap isu-isu
- Penyelesaian dalam masa singkat

### Rasional dalam Pertimbangan

- Memudahkan prosedur
- Menjimatkan kos dan masa
- Tindakan adil dan saksama

### Azam Tinggi Kemajuan Diri

- Menjiwai deria kecemerlangan
- Beriltizam tinggi menambah ilmu
- Siap siaga melaksana inisiatif

### Niat Suci Melaksanakan Tanggungjawab

- Setiakawan
- Ikhlas
- Berdedikasi

### Inspirasi Kepada Transformasi Semasa

- Merintis kemajuan sains dan teknologi terkini
- Membangun analitis dataraya
- Memanfaatkan kepintaran buatan

## Bahagian Ketujuh : Rumusan

Hang Tuah dan Hang Jebat diangkat bagi mengembalikan ketokohan hulubalang Melayu yang terbilang dalam era Kesultanan Melayu Melaka dengan slogan “Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat”. Penerapan nilai-nilai murni terpuji Tonggak 11 adalah bagi mencetus natijah keberhasilan tinggi serta impak maksimum dalam seluruh jentera pentadbiran dalam semua Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka.